

Nama: _____ Tingkatan: _____

SULIT
02/2
Bahasa Melayu
Kertas 2
1½jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
PENILAIAN MENENGAH RENDAH
SMK Berangan, Tumpat**

Bahasa Melayu
Kertas 2
Satu jam tiga puluh minit

ARAHAN:

Anda dikehendaki menjawab **ketiga-tiga** soalan.

Soalan 1 mempunyai **lima** pilihan.

Soalan 2 mempunyai **dua** pilihan sama ada **Soalan 2(a)** atau **Soalan 2(b)**.

Soalan 3 tidak mempunyai pilihan.

Soalan 1

(Masa dicadangkan : 45 minit)

Tulis karangan tentang **satu** daripada perkara di bawah. Panjang karangan itu hendaklah melebihi **180 patah perkataan**.

- (a) Anda ingin menemui seorang ahli sukan di tempat anda.
Tulis sepucuk surat kepada ahli sukan berkenaan. Dalam surat itu nyatakan tujuan dan sebab-sebab anda ingin menemui beliau.
- (b) Pelajar-pelajar sekolah anda didapati suka merosakkan harta benda sekolah.
Tulis laporan lengkap tentang punca-punca pelajar merosakkan harta benda sekolah.
- (c) Anda sebagai anggota Persatuan Bahasa Melayu dikehendaki memberikan ceramah dalam suatu perhimpunan sekolah. Tajuk ceramah itu ialah "Faedah Membaca".
Tulis ceramah itu selengkapnya.
- (d) Semangat kejiwaan kurang diamalkan oleh masyarakat sekarang.
Tulis sebab-sebab berlakunya keadaan sedemikian.
- (e) Anda dan beberapa orang rakan anda dalam perjalanan ke suatu tempat keramaian. Di tengah-tengah perjalanan kereta yang anda naiki terbabit dalam kecelakaan jalan raya.
Tulis keadaan dan suasana di tempat kejadian itu.

[30 markah]

Soalan 2

(Masa dicadangkan: 30 minit)

Jawab sama ada **Soalan 2(a)** atau **Soalan 2(b)**

Soalan 2(a)

Kaji carta pai di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan carta tersebut, huraikan faktor yang menyebabkan perbezaan dalam kadar kemalangan yang berkenaan di Malaysia. Panjangnya **rumusan** anda hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

KADAR KEMALANGAN DI JALAN RAYA MENGIKUT KAWASAN DI MALAYSIA 2001 (JUMLAH KEMALANGAN 58,456)



[20 markah]

Soalan 2 (b)

(a) *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian ringkaskan hingga menjadi **tidak lebih** daripada **80 patah perkataan**. Anda digalakkan menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Bertentangan dengan pandangan umum, bahan-bahan sastera bukan sumber untuk mencari hiburan semata-mata. Sebaliknya, semua hasil sastera biasanya tepu dengan pelbagai unsur pengajaran. Melalui karya-karya ini, para pengarang akan mengambil kesempatan untuk menurunkan segala pengalaman hidup mereka kepada para pembaca. Harapan pengarang ialah pengalaman tersebut akan menjadi petunjuk yang akan membolehkan masyarakat melayari kehidupan mereka dengan lebih sempurna. Satu perkara lagi yang perlu diingati ialah bahan-bahan sastera menyerlahkan khazanah bahasa sesuatu bangsa dengan paling sempurna berbanding dengan hasil tulisan lain.

Oleh itu, para guru mempunyai peranan yang amat penting dalam soalan ini. Mereka harus menggalakkan dan mendorong pelajar-pelajar membaca karya-karya sastera, terutama karya yang bermutu. Guru-guru juga seharusnya membicarakan karya-karya ini dalam kelas bersama-sama dengan para pelajar.

Pihak sekolah juga dapat memainkan peranan dengan memperkenalkan sistem untuk memberikan markah kepada pelajar-pelajar yang menunjukkan minat untuk membaca bahan-bahan sastera.

Kesemua usaha ini pasti akan memupuk minat para pelajar untuk membaca bahan-bahan sastera. Yang lebih penting ialah lama-kelamaan mereka juga akan terdorong untuk menghasilkan karya-karya sastera.

[20 markah]

Soalan 3: Novel

(Masa dicadangkan : 15 minit)

Jawapan mestilah berdasarkan **satu** daripada novel-novel yang anda telah kaji sama ada di Tingkatan 1, Tingkatan 2 atau Tingkatan 3 seperti senarai di bawah.

- (i) *Meniti Kaca* (Raja Sabarudin Raja Abdullah)
- (ii) *Anak Din Biola* (Maaruf Mahmud)
- (iii) *Aku Anak Timur* (Siti Aminah Haji Yusuf)
- (iv) *Limpahan Darah di Sungai Semur* (Zakaria Salleh)
- (v) *Pahlawan Pasir Salak* (Mohd. Ismail Sarbini)
- (vi) *Tragedi Empat Disember* (Dzul Karnain Ithnain)
- (vii) *Timulak Kapal Perang* (Azmah Nordin)
- (viii) *Kapten Hassan Wira Bangsa* (Harun Johari)
- (ix) *Panas Salju* (Talib Samat)
- (x) *Merdeka! Merdeka!* (A. Rahman Hanafiah)
- (xi) *Ekspedisi* (Mohd. Ghazali Tocheh)
- (xii) *Kanang Cerita Seorang Pahlawan* (Maznan Noordin)

Huraikan pengajaran yang anda peroleh daripada novel yang anda kaji secara ringkas.

[10 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT